



## KERAJAAN NEGERI MELAKA

### WAKTU OPERASI BAGI SEKTOR-SEKTOR YANG DIBENARKAN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN 3.0 (PKP 3.0) DI NEGERI MELAKA ( 01 JUN 2021 HINGGA 14 JUN 2021 )

BIL	SEKTOR-SEKTOR YANG DIBENARKAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	CATATAN
1.	<p><b>Sektor Perdagangan Pengedaran</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Premis pasar raya / pasar raya besar, <i>departmental store</i> yang mempunyai seksyen makanan dan minuman / keperluan asas, kedai farmasi / penjagaan diri dan kedai serbaneka / <i>mini mart</i> dan restoran (<i>take away</i> dan <i>delivery</i> sahaja) di kompleks membeli belah</li> <li>▪ Pasar raya / pasaraya besar <b>TERHAD</b> kepada seksyen makanan dan minuman / keperluan asas</li> <li>▪ <i>Departmental store</i> <b>TERHAD</b> kepada seksyen makanan dan minuman / keperluan asas</li> <li>▪ Kedai farmasi / penjagaan diri</li> <li>▪ Kedai serbaneka / <i>mini market</i></li> <li>▪ Kedai runcit</li> <li>▪ Restoran</li> <li>▪ Dobi</li> <li>▪ Dobi layan diri (<i>memberi tugas kepada sekurang-kurangnya seorang pekerja untuk memastikan kawalan keluar masuk pelanggan</i>)</li> <li>▪ Kedai penjagaan haiwan / makanan haiwan (<i>hanya aktiviti jual beli produk penjagaan dan makanan haiwan sahaja DIBENARKAN</i>)</li> <li>▪ Kedai cermin mata dan barang optik (<i>hanya aktiviti jual beli dan pembaikan cermin mata sahaja DIBENARKAN</i>)</li> <li>▪ Kedai hardware (<i>hanya aktiviti jual beli produk hardware sahaja DIBENARKAN. Pemasangan dan pembaikan di rumah pelanggan TIDAK DIBENARKAN</i>)</li> <li>▪ Bengkel kenderaan, penyelenggaraan dan alat ganti termasuk kedai tayar dan bateri (<i>perkhidmatan cuci kenderaan TIDAK DIBENARKAN</i>)</li> <li>▪ E-dagang bagi semua kategori produk</li> <li>▪ Pemborongan dan pengedaran bagi kategori produk perkhidmatan perlu sahaja</li> <li>▪ Kedai barangan bayi</li> <li>▪ Kedai barangan keagamaan</li> </ul>	<p>8.00 pagi hingga 8.00 malam</p> <p>(<i>KECUALI gudang (warehouse) / pusat pengedaran (distribution centre) tertakluk kepada WAKTU OPERASI BIASA</i>)</p>	<p>a) Mewajibkan had jumlah pelanggan dalam satu-satu masa mengikut keluasan premis perniagaan dengan penetapan <b>satu (1) orang bagi setiap empat (4) meter persegi ruang lantai niaga</b></p> <p>b) <i>Dine in</i> <b>TIDAK DIBENARKAN</b></p> <p>c) <i>Push cart / booth</i> jualan sedia ada <b>TIDAK DIBENARKAN</b> beroperasi</p> <p>d) Kedai penjagaan diri merupakan kedai-kedai yang <b>menjual barang keperluan diri termasuk farmasi yang menjual ubat-ubatan, produk kesihatan serta makanan tambahan (supplement) dalam satu premis</b>. Kedai penjagaan diri yang <b>tiada farmasi / menawarkan perkhidmatan SPA, wellness dan manicure pedicure</b> seperti produk penjagaan kulit dan kecantikan <b>TIDAK TERMASUK</b> dalam kategori ini</p>
2.	<p><b>Sektor Perdagangan Pengedaran</b></p> <p>Stesen minyak (<i>kecuali Stesen minyak di lebuh raya dibenarkan beroperasi 24 jam</i>)</p>	<p>i. <b>Isian minyak</b> 6.00 pagi hingga 8.00 malam</p> <p>ii. <b>Kedai Serbaneka</b> 8.00 pagi hingga 8.00 malam</p>	



## KERAJAAN NEGERI MELAKA

### WAKTU OPERASI BAGI SEKTOR-SEKTOR YANG DIBENARKAN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN 3.0 (PKP 3.0) DI NEGERI MELAKA ( 01 JUN 2021 HINGGA 14 JUN 2021 )

BIL	SEKTOR-SEKTOR YANG DIBENARKAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	CATATAN
3.	<p><b>Sektor Makanan (Perniagaan Berpremis)</b> <b>(Take Away / Delivery / Drive Through)</b></p> <p>i. Restoran ii. Medan Selera / Pusat Penjaja iii. Gerai Makan Tepi Jalan (Berbumbung) / Kiosk</p> <p>*** Dine-in / Park &amp; Dine <b>TIDAK DIBENARKAN</b></p>	8.00 pagi hingga 8.00 malam	Pematuhan kepada SOP Sektor Makanan
4.	<p><b>Sektor Makanan (Perniagaan / Penjajaan Tanpa Premis)</b> <b>(Take Away / Delivery / Drive Through)</b></p> <p>i. Kenderaan Saji / Food Truck ii. Penjaja Beredar iii. Penjaja Tepi Jalan (Sementara)</p> <p>*** Dine-in / Park &amp; Dine <b>TIDAK DIBENARKAN</b></p>	8.00 pagi hingga 8.00 malam	
5.	<p><b>Sektor Makanan (Pasar)</b></p> <p>i. Pasar Harian / Pasar Awam ii. Pasar Segar Terkawal (PST) iii. Pasar Tani Kekal (PTK), MyFarm Outlet (MFO) dan Komplek Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) iv. Pasar Borong</p>	<p><b>Pasar Harian / Pasar Awam</b> 6.00 pagi hingga 2.00 petang</p> <p><b>Pasar Segar Terkawal (PST)</b> 7.00 pagi hingga 12.00 tengah hari</p> <p><b>Pasar Tani Kekal (PTK), MyFarm Outlet (MFO) dan Komplek Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK)</b> 6.00 pagi hingga 4.00 petang</p> <p><b>Pasar Borong</b> 12.01 pagi hingga 6.00 pagi dan 11.00 pagi hingga 4.00 petang</p>	Pematuhan SOP dan pengawasan anggota RELA / PBT
6.	<p><b>Sektor Makanan (Peruncitan / Serbaneka / Makanan &amp; Minuman)</b></p> <p>i. Pasar Raya Mini ii. Kedai Runcit iii. Kedai Serbaneka iv. Kedai Keperluan Harian</p>	8.00 pagi hingga 8.00 malam	Pematuhan kepada SOP Sektor Makanan
7.	<p><b>Sektor Kesihatan</b></p> <p>i. Hospital ii. Klinik iii. Makmal Perubatan</p>	Dibenarkan sehingga 24 jam atau mengikut lesen kebenaran beroperasi	



## KERAJAAN NEGERI MELAKA

### WAKTU OPERASI BAGI SEKTOR-SEKTOR YANG DIBENARKAN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN 3.0 (PKP 3.0) DI NEGERI MELAKA ( 01 JUN 2021 HINGGA 14 JUN 2021 )

BIL	SEKTOR-SEKTOR YANG DIBENARKAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	CATATAN
8.	Klinik Haiwan	8.00 pagi hingga 8.00 malam	
9.	Sektor Pengangkutan		<ul style="list-style-type: none"> <li>Aktiviti dan perkhidmatan di semua lapangan terbang dan pelabuhan <b>DIBENARKAN</b> beroperasi</li> <li>Perkhidmatan pengangkutan awam laut dan darat seperti bas henti-henti, bas ekspres, LRT, MRT, ERL, Monorel, feri dan lain-lain pengangkutan awam <b>DIBENARKAN</b> beroperasi berdasarkan <b>50% kapasiti kenderaan</b> (waktu operasi dan frekuensi tertakluk kepada Kementerian Pengangkutan)</li> </ul>
10.	Perkhidmatan Awam		<ul style="list-style-type: none"> <li>Melaksanakan kaedah <b>Bekerja Dari Rumah (BDR) sepenuhnya TIDAK TERMASUK</b> perkhidmatan <i>frontliners</i>, keselamatan, pertahanan dan penguatkuasaan</li> <li>Kehadiran di Pejabat hanya <b>DIBENARKAN</b> bagi <b>perkhidmatan perlu</b> dan <b>tidak melebihi 20% pada satu-satu masa</b> berdasarkan keutamaan kepada proses kerja yang tidak boleh dilaksanakan secara BDR seperti pembayaran kontrak / invois / gaji, pembayaran / pengagihan bantuan bulanan / berkala kepada rakyat, penyelenggaraan / keselamatan premis, pengurusan teknikal ICT bagi tujuan penyelenggaraan sistem dan mesyuarat atas talian dan penyediaan dokumen melibatkan Jemaah Menteri</li> <li>Kehadiran ke pejabat perlu disertai dengan dokumen arahan rasmi dan pas pekerja</li> </ul>
11.	Perkhidmatan Swasta		<ul style="list-style-type: none"> <li>Semua sektor <b>perkhidmatan perlu yang DILULUSKAN</b> oleh Kementerian atau Agensi yang berkaitan <b>BOLEH BEROPERASI</b> dalam tempoh PKP tertakluk kepada surat kelulusan Kementerian yang berkaitan yang berkuatkuasa mulai 1 Jun 2021</li> <li>Pergerakan pekerja adalah tertakluk kepada pendaftaran atau surat kelulusan beroperasi atau pas pekerja atau surat pengesahan majikan</li> <li>Kapasiti kehadiran pekerja bagi sektor swasta dalam perkhidmatan perlu termasuk operasi dan pengurusan <b>TERHAD</b> kepada <b>60%</b></li> </ul>
12.	Mesyuarat		<ul style="list-style-type: none"> <li>Mesyuarat perlu dilaksanakan secara <b>sidang video</b></li> </ul>
13.	Seminar, Bengkel, Kursus, Latihan dan Ceramah		<ul style="list-style-type: none"> <li>Seminar, bengkel, kursus, latihan dan ceramah <b>TIDAK DIBENARKAN</b> kecuali latihan dalam perkhidmatan yang sedang berjalan boleh dilaksanakan dalam kawasan latihan menerusi kaedah <i>Camp Based Training</i></li> <li>Seminar, bengkel, kursus, latihan dan ceramah yang dilaksanakan secara dalam talian (<i>online</i>) adalah <b>DIBENARKAN</b></li> </ul>



## KERAJAAN NEGERI MELAKA

### WAKTU OPERASI BAGI SEKTOR-SEKTOR YANG DIBENARKAN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN 3.0 (PKP 3.0) DI NEGERI MELAKA ( 01 JUN 2021 HINGGA 14 JUN 2021 )

BIL	SEKTOR-SEKTOR YANG DIBENARKAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	CATATAN
14.	<b>Pertanian, Perikanan, Penternakan, Perladangan dan Komoditi</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pertanian, perikanan dan penternakan serta rantaianya</li> <li>Perladangan dan komoditi serta rantaianya (kelapa sawit, getah, lada dan koko)</li> <li>Aktiviti memancing bagi tujuan sara hidup adalah <b>DIBENARKAN</b></li> </ul>	
15.	<b>Pendidikan</b> (Tertakluk kepada SOP yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT))	<ul style="list-style-type: none"> <li>Semua Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta, Institut Latihan Kemahiran, sekolah selain di bawah KPM, pusat tahfiz dan institusi-institusi pendidikan lain <b>DITUTUP</b>. IPT di bawah kawal selia KPT <b>diteruskan secara dalam talian</b></li> <li>Semua sekolah dan institusi pendidikan di bawah KPM, institusi pendidikan swasta kategori sekolah dan pusat tuisyen, pusat bahasa, pusat kemahiran, pusat bimbingan dan lain-lain yang berdaftar bawah KPM <b>DITUTUP</b> bermula <b>1 Jun hingga 14 Jun 2021</b></li> <li>Hanya murid sekolah antarabangsa dan sekolah ekspatriat yang terlibat dengan peperiksaan antarabangsa <b>DIBENARKAN</b> hadir untuk menduduki peperiksaan mengikut jadual peperiksaan yang telah ditetapkan oleh badan peperiksaan antarabangsa</li> <li>Semua aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara bersemuka adalah <b>TIDAK DIBENARKAN</b> kecuali kepada pelajar IPT yang berkeperluan</li> <li>Peperiksaan antarabangsa dan badan profesional serta aktiviti penyelidikan yang memerlukan kemudahan makmal di IPT <b>DIBENARKAN</b> mengikut SOP IPT berkenaan dan pergerakan perlu disertai dengan pengesahan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) atau IPT berkaitan</li> <li>Pelajar yang berada di asrama, universiti atau institusi pendidikan <b>DIBENARKAN</b> untuk berada di asrama, universiti atau institusi pendidikan tersebut dan meneruskan pembelajaran secara hibrid</li> </ul>	
16.	<b>Tabika, Taska, Tadika dan Pusat Jagaan Berkediaman</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tabika, taska, tadika swasta, tadika di sekolah swasta, antarabangsa dan ekspatriat serta pusat perkembangan minda bagi kanak-kanak berusia <b>4 hingga 6 tahun TIDAK DIBENARKAN</b> beroperasi <b>KECUALI</b> untuk anak-anak di mana <b>kedua-dua ibu bapa dan penjaga merupakan barisan petugas hadapan dan bekerja dalam perkhidmatan perlu</b></li> <li>Pusat jagaan berkediaman atau pusat rehabilitasi bagi kanak-kanak, Orang Kurang Upaya (OKU), warga emas, wanita dan pusat jagaan pelbagai <b>DIBENARKAN</b> beroperasi mengikut SOP yang ditetapkan di bawah Kementerian, Jabatan atau Agensi berkaitan</li> </ul>	
17.	<b>Aktiviti Rumah Ibadat Selain Islam</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Aktiviti Rumah Ibadat Selain Islam adalah <b>DIHADKAN</b> kepada <b>maksima 12 orang AJK rumah ibadat sahaja</b> dan <b>kehadiran penganut adalah TIDAK DIBENARKAN</b></li> <li>Pendaftaran perkahwinan bagi selain orang Islam di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Rumah Ibadat dan Persatuan Agama <b>DIBENARKAN</b> dengan kehadiran mengikut ketetapan pihak JPN</li> <li>Pengurusan pengebumian selain orang Islam adalah <b>DIBENARKAN</b> dengan mengikut ketetapan Kementerian Perpaduan Negara (KPN)</li> </ul>	



## KERAJAAN NEGERI MELAKA

### WAKTU OPERASI BAGI SEKTOR-SEKTOR YANG DIBENARKAN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN 3.0 (PKP 3.0) DI NEGERI MELAKA ( 01 JUN 2021 HINGGA 14 JUN 2021 )

BIL	SEKTOR-SEKTOR YANG DIBENARKAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	CATATAN
18.	<p><b>Aktiviti Pengimarahannya Masjid dan Surau</b> (Tertakluk kepada SOP yang dikeluarkan oleh Pejabat Mufti &amp; JAIM)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Aktiviti masjid dan surau yang <b>DIBENARKAN</b> adalah seperti berikut:-               <ol style="list-style-type: none"> <li>i. <b>Solat Fardhu</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Masjid - <b>Maksimum 12 orang</b> yang terdiri dari pegawai masjid dan mereka yang ditentukan oleh jawatankuasa</li> <li>b) Surau - <b>Maksimum 12 orang</b> yang terdiri dari mereka yang ditentukan jawatankuasa</li> </ol> </li> <li>ii. <b>Solat Jumaat</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Masjid - <b>Maksimum 12 orang</b> termasuk pegawai masjid, Jemaah ditentukan oleh jawatankuasa</li> <li>b) Surau - <b>Maksimum 12 orang</b> terdiri dari pegawai dan mereka yang ditentukan oleh jawatankuasa</li> </ol> </li> <li>iii. <b>Solat Jenazah</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Masjid - <b>Maksimum 12 orang</b> termasuk pegawai masjid dan waris</li> <li>b) Surau - <b>Maksimum 12 orang</b> termasuk pegawai masjid dan waris.</li> </ol> </li> <li>iv. <b>Singgah Solat</b> Masjid dan surau boleh menyediakan satu ruangan untuk individu datang singgah solat bagi waktu yang sesuai untuk solat fardhu. Walaupun begitu, sekiranya ada risiko jangkitan atau kesukaran kawalan, masjid dan surau boleh menangguhkan peruntukan ini</li> <li>v. <b>Penyelenggaraan dan Pembersihan</b> Pelaksanaan hendaklah dijalankan oleh petugas yang ditetapkan sahaja</li> </ol> </li> <li>▪ <b>HANYA</b> jemaah warganegara dan penduduk tetap sahaja <b>DIBENARKAN</b></li> <li>▪ Warganegara asing <b>TIDAK DIBENARKAN</b> menyertai aktiviti di masjid dan surau</li> <li>▪ Kanak-kanak berusia <b>tujuh (7) tahun dan ke atas</b> adalah <b>DIBENARKAN</b> hadir. Kehadiran kanak-kanak di <b>bawah usia tujuh (7) tahun</b> adalah <b>TIDAK DIGALAKKAN</b></li> <li>▪ Individu yang hadir <b>MESTILAH berwudhuk terlebih dahulu di rumah</b> sebelum hadir ke masjid atau surau dan <b>DIWAJIBKAN</b> membawa sejadah</li> <li>▪ Aktiviti yang <b>TIDAK DIBENARKAN</b> termasuk:-               <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Ceramah, kelas pengajian, kelas Al-Quran dan seumpamanya;</li> <li>ii. Sebarang penganjuran majlis</li> <li>iii. Majlis bacaan Yassin dan tahlil pada hari Khamis malam Jumaat</li> <li>iv. Sebarang bentuk jamuan di masjid dan surau</li> <li>v. Mesyuarat bersemuka</li> <li>vi. Aktiviti gotong-royong</li> <li>vii. Aktiviti Jemaah Tabligh</li> <li>viii. Lain-lain aktiviti yang tidak berkaitan dengan solat</li> </ol> </li> <li>▪ Aktiviti pengimarahannya masjid dan surau di kawasan <b>Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)</b> adalah <b>DITANGGUHKAN</b></li> </ul>	



## KERAJAAN NEGERI MELAKA

### WAKTU OPERASI BAGI SEKTOR-SEKTOR YANG DIBENARKAN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN 3.0 (PKP 3.0) DI NEGERI MELAKA ( 01 JUN 2021 HINGGA 14 JUN 2021 )

BIL	SEKTOR-SEKTOR YANG DIBENARKAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	CATATAN
19.	Sukan dan Riadah		<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Aktiviti sukan dan rekreasi yang dilakukan <b>secara individu</b> di kawasan terbuka tanpa bersentuhan fizikal <b>TERHAD</b> kepada <b>joging dan senaman sahaja</b> dengan mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 2 hingga 3 meter dan <b>dilakukan di kawasan kejiranan bermula 7.00 pagi sehingga 8.00 malam</b> tertakluk kepada arahan kawalan pergerakan yang sedang berkuat kuasa</li> <li>▪ Program latihan berpusat termasuk kejohanan atau pertandingan tertutup secara kuarantin yang dilaksanakan oleh Majlis Sukan Negara (MSN) menggunakan konsep <i>Camp Based Training</i></li> <li>▪ Program latihan berpusat secara kuarantin yang dilaksanakan oleh Majlis-Majlis Sukan Negeri (MSN Negeri) menggunakan konsep <i>Camp Based Training</i></li> <li>▪ Program latihan berpusat termasuk perlawanan latihan secara kuarantin bagi pasukan-pasukan dalam <i>Malaysian Football League</i> (MFL) menggunakan model <b>GELEMBUNG SUKAN</b> (<i>Camp Based Training</i>)</li> </ul>
20.	Industri Kreatif		<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pembangunan dan penyiaran kandungan kreatif secara rakaman atau siaran langsung merangkumi animasi, penggambaran filem, drama, promosi, sitkom dan seumpamanya, termasuk aktiviti seni tari, seni teater, seni muzikal, persembahan kebudayaan dan warisan serta seni muzik <b>TIDAK DIBENARKAN</b> kecuali bual bicara dan live streaming secara individu</li> <li>▪ Penyiaran secara rakaman atau siaran langsung program berbentuk penyampaian maklumat (selain daripada hiburan) seperti berita, forum, bual bicara <b>DIBENARKAN</b></li> </ul>
21.	Perkhidmatan Perlu ( <i>essential services</i> )		<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Makanan dan minuman termasuk untuk haiwan</li> <li>2. Penjagaan kesihatan dan perubatan termasuk penokok diet, penjagaan dan klinik haiwan serta perkhidmatan veterinar</li> <li>3. Air</li> <li>4. Tenaga</li> <li>5. Keselamatan (<i>security and safety</i>), pertahanan, kecemasan, kebajikan dan bantuan kemanusiaan</li> <li>6. Pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dan pembedung</li> <li>7. Pengangkutan melalui darat, air atau udara</li> <li>8. Perkhidmatan dan pengusahaan pelabuhan, limbungan dan lapangan terbang, termasuk pemunggahan, pengangkutan laiter, pengendalian kargo dan pemaliman, dan penyimpanan atau pemukalan komoditi</li> <li>9. Komunikasi termasuk media, telekomunikasi dan internet, pos dan kurier serta penyiaran (bagi tujuan penyampaian maklumat, berita dan seumpamanya sahaja)</li> <li>10. Perbankan, insuran, takaful dan pasaran modal</li> <li>11. Kredit komuniti (pajak gadai sahaja)</li> <li>12. E-dagang dan teknologi maklumat</li> <li>13. Pengeluaran, penyulingan, penyimpanan, pembekalan serta pengagihan bahan api dan pelincir</li> <li>14. Hotel dan penginapan (hanya bagi tujuan kuarantin, pengasingan, pekerjaan bagi perkhidmatan perlu dan bukan tujuan pelancongan)</li> <li>15. Pembinaan, penyelenggaraan dan pembaikan kritikal</li> <li>16. Perkhidmatan perhutanan (terhad kepada penguatkuasaan) dan hidupan liar</li> <li>17. Logistik yang terhad kepada penyampaian perkhidmatan perlu</li> </ol>



## KERAJAAN NEGERI MELAKA

### WAKTU OPERASI BAGI SEKTOR-SEKTOR YANG DIBENARKAN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN 3.0 (PKP 3.0) DI NEGERI MELAKA ( 01 JUN 2021 HINGGA 14 JUN 2021 )

BIL	SEKTOR-SEKTOR YANG DIBENARKAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	CATATAN
22.	<b>Sektor Pembuatan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Aeroangkasa (komponen dan <i>maintenance, repair and overhaul</i> - MRO)</li> <li>2. Makanan dan minuman</li> <li>3. Bahan pembungkusan dan percetakan hanya berkaitan bahan makanan dan kesihatan</li> <li>4. Barang-barang penjagaan diri dan bahan pencuci</li> <li>5. Keluaran penjagaan kesihatan dan perubatan</li> <li>6. Barang penjagaan diri, peralatan perlindungan diri (PPE) termasuk sarung tangan getah dan peralatan keselamatan kebakaran</li> <li>7. Komponen bagi peranti perubatan</li> <li>8. Elektrikal dan Elektronik (kepentingan rantaian ekonomi global)</li> <li>9. Minyak dan gas (Oil and Gas) termasuk petrokimia dan produk petrokimia</li> <li>10. Mesin dan peralatan hanya berkaitan kesihatan dan makanan sahaja</li> <li>11. Tekstil untuk pengeluaran PPE sahaja</li> <li>12. Pengeluaran, penyulingan, penyimpanan, pembekalan dan pengagihan bahan api dan pelincir</li> </ol>	
23.	<b>Sektor Pembinaan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>A. Kerja-karya penyelenggaraan dan pembaikan kritikal, iaitu kerja yang mana jika sekiranya tidak diteruskan boleh mendatangkan bahaya atau kemudaratan kepada pekerja, orang awam atau persekitaran, meliputi: <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Penyelenggaraan dan pembaikan cerun, jalan raya, jambatan, kawalan pengurusan trafik (Traffic Management Control), dan lampu isyarat;</li> <li>b) Pemeriksaan berkala dan pembaikan lif/ travelator/ escalator dan lain-lain peralatan mekanikal dan elektrikal yang kritikal;</li> <li>c) Pembaikan, penyelenggaraan dan naik taraf fasiliti di premis-premis perkhidmatan kritikal;</li> <li>d) Kerja-karya penyelenggaraan, pembersihan dan pengeringan air bertakung, penyemburan racun serangga di tapak bina bagi mengelakkan pembiakan nyamuk Aedes dan lain-lain haiwan perosak;</li> <li>e) Pembaikan dan penyelenggaraan landasan keretapi seperti MRT, LRT, komuter, single/ double track dan projek rel.</li> <li>f) Pembaikan kediaman perseorangan; dan g) Pembinaan Bailey Bridge di lokasi jambatan roboh.</li> </ol> </li> <li>B. Kerja-karya pembinaan melibatkan infrastruktur awam utama dan kritikal meliputi:- <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Terowong;</li> <li>b) Cerun</li> <li>c) Jambatan dan viaduct;</li> <li>d) Lebuhraya yang disahkan mencapai kemajuan fizikal lapan puluh (80%) dan ke atas;</li> <li>e) Infrastruktur awam utama termasuklah MRT, LRT, ECRL, komuter, <i>single / double track</i> dan projek rel;</li> <li>f) Infrastruktur berkaitan elektrik, telekomunikasi, empangan, saluran dan pembentungan, minyak dan gas;</li> <li>g) Kerja-karya hospital yang disahkan mencapai kemajuan fizikal lapan puluh (80%) dan ke atas;</li> <li>h) Kerja pembinaan bangunan yang mempunyai penginapan pekerja yang lengkap di tapak bina</li> </ol> </li> <li>C. Perkhidmatan profesional / perunding yang terlibat bagi kerja-karya pembinaan yang dibenarkan beroperasi seperti yang disenaraikan di item (A) dan (B) seperti di atas; dan</li> <li>D. Perkhidmatan dalam rantaian bekalan yang terlibat bagi kerja-karya pembinaan yang dibenarkan beroperasi seperti di item (A) dan (B) seperti di atas</li> </ol>	



## KERAJAAN NEGERI MELAKA

**WAKTU OPERASI  
BAGI SEKTOR-SEKTOR YANG DIBENARKAN DALAM TEMPOH  
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN 3.0 (PKP 3.0)  
DI NEGERI MELAKA  
( 01 JUN 2021 HINGGA 14 JUN 2021 )**

BIL	SEKTOR-SEKTOR YANG DIBENARKAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	CATATAN
24.	Lain-lain	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Apa-apa perkhidmatan, kerja, industri dan perniagaan sebagaimana yang ditentukan oleh Kerajaan selepas berunding dengan pihak berkuasa yang mengawal selia perkhidmatan, kerja, industri dan perniagaan itu</li> </ul>	

### NOTA :

1. **TIADA** rentas sempadan negeri dan daerah (berdasarkan sempadan daerah ditetapkan Kerajaan Negeri)
2. **Dua (2) orang sahaja** wakil isi rumah **DIBENARKAN** keluar hanya untuk mendapatkan bekalan makanan, ubat, penokok diet dan keperluan asas dalam radius **tidak melebihi 10 kilometer** dari kediamannya
3. **Maksimum tiga (3) orang sahaja termasuk pesakit DIBENARKAN** keluar untuk mendapatkan perkhidmatan jagaan kesihatan, perubatan, ujian saringan, keselamatan atau kecemasan dalam radius **tidak melebihi 10 kilometer** dari kediamannya atau ke tempat paling hampir dengan kediamannya sekiranya perkhidmatan kesihatan atau perubatan tersebut tiada dalam radius 10 kilometer dari kediamannya
4. Pergerakan bagi **kes kematian dan bencana alam DIBENARKAN** setelah mendapatkan **kebenaran daripada PDRM**
5. Pergerakan **bantuan bencana atau kemanusiaan oleh NGO perlu mendapatkan kebenaran** dari **Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri atau Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah** di kawasan yang terjejas dengan bencana dan bantuan tersebut **disalurkan melalui Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB)** di kawasan tersebut
6. Pergerakan merentas daerah dan negeri **bagi tujuan vaksinasi COVID-19 di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di luar daerah atau negeri tempat tinggal DIBENARKAN** dengan **menunjukkan butiran janji temu di aplikasi MySejahtera, laman sesawang atau SMS**
7. Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri **DIBENARKAN** merentas negeri dan daerah untuk melawat kawasan masing-masing **TANPA** melaksanakan sebarang majlis
8. Pergerakan bagi Pelawat Perniagaan Jangka Pendek di bawah kelulusan Inisiatif One Stop Centre (OSC) untuk tujuan rasmi atau perniagaan **DIBENARKAN** setelah mendapat kebenaran PDRM
9. Kanak-kanak berumur **12 tahun ke bawah TIDAK DIBENARKAN** untuk berada di tempat dan kemudahan awam **KECUALI** bagi tujuan **kecemasan, rawatan, pendidikan dan senaman**





## KERAJAAN NEGERI MELAKA

### SENARAI AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN (*NEGATIVE LIST*) PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN 3.0 (PKP 3.0) DI NEGERI MELAKA ( 01 JUN 2021 HINGGA 14 JUN 2021 )

#### AKTIVITI EKONOMI

1.	Spa, refleksologi, pusat urut, <i>wellness</i> , salun kecantikan, kedai gunting rambut dan perkhidmatan <i>pedicure</i> dan <i>manicure</i>
2.	Operasi kafe siber dan pusat siber
3.	Institut Latihan Memandu, Pusat Latihan Maritim dan Pusat Latihan Penerbangan
4.	Aktiviti fotografi termasuk kedai barang fotografi / perkhidmatan fotografi
5.	Agensi nombor ramalan, lumba kuda dan kasino
6.	Kedai pakaian, fesyen dan aksesori (termasuk kasut, selipar, beg, topi, stoking dan lain-lain)
7.	Kedai perabot
8.	Kedai barang kemas
9.	Kedai elektrik dan elektronik
10.	Kedai buku dan alat tulis
11.	Kedai aksesori kenderaan
12.	Pusat pengedaran dan jualan kereta
13.	Pusat cuci kereta
14.	Kedai barangan terpakai
15.	Kedai bunga / nurseri
16.	Kedai kraftangan dan cenderahati
17.	Kedai antik
18.	Kedai alat permainan
19.	Kedai permaidani
20.	Kedai kandungan kreatif / peralatan industri kreatif
21.	Pusat kecantikan
22.	Kedai <i>outdoor</i> (termasuk peralatan perkhemahan, memancing dan lain-lain)
23.	Kedai peralatan sukan
24.	Barangan rumah dan peralatan dapur (termasuk jubin, <i>wallpaper</i> , kunci, langsir dan lain-lain)
25.	Kedai kosmetik, penjagaan kulit dan minyak wangi
26.	Kedai tembakau (termasuk vape / rokok elektronik)



## KERAJAAN NEGERI MELAKA

### SENARAI AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN (*NEGATIVE LIST*) PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN 3.0 (PKP 3.0) DI NEGERI MELAKA ( 01 JUN 2021 HINGGA 14 JUN 2021 )

#### AKTIVITI HIBURAN

27. Aktiviti di kelab malam atau pub
28. Aktiviti di panggung wayang

#### AKTIVITI SOSIAL

29. Majlis Rasmi atau Tidak Rasmi Kerajaan dan swasta
30. Majlis sosial seperti kenduri-kendara, majlis sambutan perayaan, majlis meraikan pernikahan atau pertunangan, majlis perkahwinan, resepsi, majlis aqiqah, doa selamat, tahlil, sambutan ulang tahun, sambutan hari kelahiran, *reunion*, *retreat* dan lain-lain majlis sosial
31. Menerima tetamu atau pelawat di kediaman kecuali kes-kes kecemasan dan perkhidmatan penghantaran (*delivery*)
32. Seminar, bengkel, kursus, latihan, persidangan, ceramah, pameran dan aktiviti berkaitan dengan *Meeting, Incentives, Conventions and Exhibitions* (MICE) secara bersemuka

#### AKTIVITI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

33. Produk tarikan pelancong awam seperti zoo, *farms*, akuarium, pusat *edutainment, extreme, adventure, nature parks* dan lain-lain
34. Premis hasil seni, budaya dan warisan seperti muzium, perpustakaan, galeri seni, pusat atau kampung seni warisan budaya, pentas persembahan budaya dan lain-lain
35. Taman Tema, Pusat Hiburan Keluarga, *indoor playground* dan karaoke termasuk karaoke keluarga
36. Aktiviti pelancongan ke luar daerah dan negeri
37. Aktiviti pelancongan ke luar negeri oleh warganegara dan aktiviti pelancongan dalam negeri yang melibatkan pelancong asing memasuki Malaysia

#### AKTIVITI SUKAN DAN REKREASI

38. Semua aktiviti sukan dan rekreasi **SELAIN** daripada yang disenaraikan
39. Pengoperasian semua fasiliti atau premis sukan dan rekreasi
40. Taman-taman awam Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
41. Aktiviti sukan dan rekreasi yang dijalankan secara berkumpulan atau melibatkan sentuhan fizikal
42. Penganjuran kejohanan atau pertandingan atau perlawanan tempatan dan antarabangsa **KECUALI** pertandingan / kejohanan dalaman atau tertutup anjuran Majlis Sukan Negara dan perlawanan latihan pasukan-pasukan di bawah *Malaysian Football League* (MFL)
43. Aktiviti sukan dan rekreasi yang dijalankan di luar atau merentas kawasan arahan kawalan pergerakan yang sedang berkuat kuasa **KECUALI** mendapat kebenaran PDRM

#### INDUSTRI KREATIF

44. Persembahan di *lounge hotel*
45. Aktiviti *indoor* atau *outdoor busking*



## KERAJAAN NEGERI MELAKA

### SENARAI AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN (*NEGATIVE LIST*) PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN 3.0 (PKP 3.0) DI NEGERI MELAKA ( 01 JUN 2021 HINGGA 14 JUN 2021 )

#### LAIN-LAIN YANG TIDAK DIBENARKAN

46.	Apa-apa aktiviti yang boleh menyebabkan ramai orang hadir di suatu tempat sehingga menyukarkan penjarakan fizikal dan pematuhan kepada arahan Ketua Pengarah Kesihatan
47.	Lain-lain perkara yang diputuskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa